

## TERMA TERMA DAN SYARAT SYARAT

Kempen Perbelanjaan dan Perolehi Pulangan Tunai CIMB

1. Kempen Perbelanjaan dan Perolehi Pulangan Tunai (“**Kempen**”) adalah anjuran bersama CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”).

### Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari 29 Ogos 2025 sehingga 30 September 2025, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”)
3. CIMB berhak memberikan notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalender untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Jangka Masa Kempen dan/atau Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada pemegang kad kredit CIMB terpilih yang:
  - i. memegang kad kredit Travel World Mastercard yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia (“**Peserta Yang Layak**”); dan
  - ii. menerima satu Sistem Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dan/atau mesej WhatsApp (“**WhatsApp**”}) pada nombor mudah alih dan/atau mel langsung elektronik (“**MLE**”) pada alamat e-mel pemegang kad yang kedua-duanya yang dikekalkan dalam rekod berkenaan Kempen ini sebagai jemputan untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Yang Layak**”). Kad kredit Travel World Mastercard CIMB untuk Peserta Yang Layak adalah secara kolektif dirujuk sebagai “**Kad Kredit Yang Layak**”.
5. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta Yang Layak untuk memastikan nombor mudah alih milik mereka (“**Maklumat Perhubungan**”) yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat perubahan yang dilakukan oleh mereka. CIMB berhak membatalkan “**Pulangan Tunai**” sekiranya Maklumat Perhubungan milik Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan akibat daripadanya) yang ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tepat.

### Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

6. Dalam SMS, WhatsApp dan/atau mel langsung elektronik daripada CIMB, Peserta Yang Layak akan dimaklumkan mengenai keperluan untuk mengambil bahagian dalam Kempen, seperti berikut:
  - i. membuat sebarang Transaksi Perbelanjaan Layak melebihi Ringgit Malaysia Sembilan Ribu (RM9,000) (Keperluan Perbelanjaan Minimum) menggunakan Kad Kredit Layak mereka semasa Tempoh Kempen;

- ii. menerima Pulangan Tunai (“Pulangan Tunai”) sebanyak Lima Peratus (5%) bagi semua Transaksi Perbelanjaan Layak yang melebihi Keperluan Perbelanjaan Minimum, dihadkan pada maksimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) semasa Tempoh Kempen;
- iii. tempoh Kempen di mana Peserta Yang Layak dijemput untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini; dan
- iv. di mana Peserta Yang Layak boleh mendapatkan atau mengakses terma-terma dan syarat-syarat Kempen.

**“Transaksi Perbelanjaan Yang Layak”** – rujuk Klausus 8 & 9 untuk butiran

7. Ilustrasi bagaimana Peserta Yang Layak yang memegang kad kredit Travel World CIMB boleh memperoleh Pulangan Tunai semasa Tempoh Kempen mengikut **Jadual Senario** di bawah:

**Jadual Senario untuk pemegang kad CIMB Travel World**

Peserta Yang Layak	Senario	Pulangan Tunai Diperolehi	Ulasan
A	Membelanjakan RM5,000 dengan kad CIMB Travel World untuk Transaksi Perbelanjaan yang Layak	RM0	Tiada Pulangan Tunai yang diberikan kerana Peserta A kerana tidak memenuhi Keperluan Perbelanjaan Minimum
B	Membelanjakan RM9,500 dengan kad CIMB Travel World untuk Transaksi Perbelanjaan yang Layak	RM25	Pulangan Tunai 5% diberikan berdasarkan jumlah RM500 yang melebihi Keperluan Perbelanjaan Minimum RM9,000
C	Membelanjakan RM14,000 dengan kad CIMB Travel World untuk Transaksi Perbelanjaan yang Layak	RM200	Pulangan Tunai 5% diberikan berdasarkan jumlah RM5,000 yang melebihi Keperluan Perbelanjaan Minimum RM9,000 (Terhad pada RM200 setiap Peserta Layak sepanjang Tempoh Kempen)

8. Tertakluk kepada Klausus 14 dalam terma-terma dan syarat-syarat di sini, untuk layak menerima Pulangan Tunai yang dispesifikasi, Peserta Yang Layak mesti membuat Transaksi Perbelanjaan Layak dan melebihi Keperluan Perbelanjaan Minimum yang disenaraikan di mana Pulangan Tunai 5% akan diberikan untuk jumlah Transaksi Perbelanjaan Layak yang melebihi Keperluan Perbelanjaan Minimum, tertakluk kepada RM200 yang dihadkan sepanjang tempoh kempen bagi setiap Peserta yang Layak.
9. **“Transaksi Perbelanjaan Layak”** bermaksud transaksi pembelian untuk barang dan perkhidmatan melebihi Keperluan Perbelanjaan Minimum yang termasuk transaksi tempatan, luar negara dan dalam talian tidak termasuk perbelanjaan untuk penerbangan (Kod Kategori Pedagang 3000 hingga

3303, 3308 and 4511) yang diluluskan oleh CIMB dan dicaj kepada Kad Kredit Layak semasa Tempoh Kempen.

10. Bagi mengelakkan was-was, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan Layak:-
  - i) Transaksi Tunai Kuasi – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
  - ii) Ansuran bulanan di bawah kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB
  - iii) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud atau yuran-yuran, caj-caj atau penalti-penalti yang lain samada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
  - iv) Transaksi JomPAY, FPX, dan/atau Duitnow QR;
  - v) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai; dan
  - vi) Transaksi perbelanjaan yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

Apa-apa penentuan oleh CIMB sebagai apa Transaksi Perbelanjaan Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecuali yang sama dilihat sebagai terlalu tidak adil.

11. Sekiranya Peserta Yang Layak mempunyai pelbagai kad-kad kredit/-i CIMB, semua Transaksi Perbelanjaan Layak yang dibuat pada semua kad kredit/-i(s) di bawah akaun yang sama termasuk kad tambahan akan disatukan dan dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan Layak.
12. Semua Transaksi Perbelanjaan Layak akan dikesan secara automatik oleh CIMB bagi tujuan memenuhi pemberian Pulangan Tunai seperti yang ditetapkan. Pengesahan Transaksi Perbelanjaan Layak adalah berdasarkan tarikh transaksi dan/atau waktu (Waktu Malaysia) seperti yang terdapat dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
13. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan dan/atau kesilapan atau kegagalan dalam penghantaran Transaksi Perbelanjaan Layak ke akaun Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak disebabkan oleh apa jua sebab yang ditimbulkan kerana kelewatan pada pihak peniaga melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaian sengaja dan keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Perbelanjaan Layak dan/atau pengeposan Transaksi Perbelanjaan Layak kepada Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak oleh Mastercard, Visa, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama berlaku akibat kecuaian melampau atau keingkaran CIMB.

#### Pulangan Tunai dan Proses Kriteria Pemenuhan

14. Jumlah Pulangan Tunai yang diperuntukkan untuk Kempen adalah Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Ribu dan Dua Ratus (RM23,200) sahaja. Pulangan Tunai akan diberikan pada asas "siapa cepat dia dapat". Setelah kumpulan Pulangan Tunai telah dihabiskan, Peserta Yang Layak tidak lagi dapat menikmati Pulangan Tunai walaupun Peserta Yang Layak memenuhi Perbelanjaan Minimum.
15. Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, apabila berjaya memenuhi Keperluan Perbelanjaan Minimum, Peserta Yang Layak akan diberi ganjaran Pulangan Tunai Lima Peratus (5%), tertakluk kepada had pulangan tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) bagi setiap Peserta yang Layak.

16. Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan jumlah Pulangan Tunai adalah muktamad kecuali untuk kesilapan jelas. Peserta Yang Layak boleh menghubungi CIMB jika mereka percaya kesilapan sedemikian telah berlaku. Pulangan Tunai tidak boleh ditukar kepada hadiah lain atau hadiah dengan nilai yang sama atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
17. Tertakluk kepada Klausa 14 terma dan syarat di sini, Pulangan Tunai Bulanan yang diperoleh semasa Tempoh Kempen akan dikreditkan ke dalam akaun utama Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak dalam tempoh empat (4) minggu dari penamatkan Tempoh Kempen ("**Tempoh Pemenuhan**"). Peserta Yang Layak hendaklah memberitahu CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu dari Tempoh Pemenuhan ("**Tempoh Tertentu**") jika Pulangan Tunai tidak dikreditkan. Sekiranya Peserta Yang Layak tidak memaklumkan CIMB dalam Tempoh Tertentu, Pulangan Tunai akan dianggap sebagai berjaya dikredit.
18. Hanya Peserta Yang Layak yang adalah pemegang kad utama layak menerima Pulangan Tunai yang diganjarkan di bawah Kempen ini.
19. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai oleh Peserta Yang Layak, akaun Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak TIDAK BOLEH berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai.
20. Peserta Yang Layak yang berhak menerima Pulangan Tunai akan menerima satu pemberitahuan melalui SMS bahawa Pulangan Tunai telah dikreditkan ke dalam Kad Kredit Yang Layak miliknya. Amaun Pulangan Tunai juga akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang seterusnya iaitu selepas pengkreditan Pulangan Tunai jika mereka berhak menerima Pulangan Tunai.
21. Pemberitahuan oleh CIMB akan berdasarkan nombor telefon Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.
22. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit CIMB melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
23. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percuakan yang boleh timbul daripada Pulangan Tunai atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Pulangan Tunai akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Peserta Yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

## **Terma-terma dan Syarat-syarat Umum**

24. Peserta Yang Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini
  - mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
  - mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
  - memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajipannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
    - kegagalan elektrik;
    - pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - apa-apa bencana alam (“*act of God*”) di luar kawalan CIMB; atau
    - apa-apa faktor dalam keadaan di luar jangkaan munasabah CIMB.

25. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Pulangan Tunai dikreditkan:

- Peserta Yang Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
- Kad Kredit Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang,
- Kad Kredit Yang Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB.

26. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan:

- mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
- bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

CIMB memiliki hak untuk memperpanjang, memendekkan, mengakhiri, atau menangguhkan Kempen dengan memberikan pemberitahuan selama tujuh (7) hari calendar kepada Peserta Layak memalui:

- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- Notis di cawangan CIMB; dan/atau
- Melalui cara pemberitahuan lain yang CIMB pilih.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

27. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:
- Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang layak dalam Kempen; dan/atau
  - Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS dan/atau WhatsApp oleh Peserta Yang Layak
- melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau dan keingkaran sengaja CIMB.
28. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Peserta Yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
  - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
  - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
  - (iv) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB
- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.
- c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
29. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.
30. Peserta Yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- Peserta Yang Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
  - Peserta Yang Layak menerima, menebus atau menggunakan Pulangan Tunai; dan/atau
  - melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
31. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
- akan mengatasi mana-mana peruntuhan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan

- b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Yang Layak semasa yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
32. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.
33. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.
34. Laman Web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain (“**Pauntan Pihak Ketiga**”). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Yang Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Yang Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh Peserta Yang Layak.
35. Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, atau emel:
- Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
36. CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.